



**JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN
KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

KENYATAAN TAWARAN

Sebut Harga ini adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di dalam Gred 'G3', Kategori *Civil Engineering* - Pengkhususan CE19 dan CE21 yang masih sah dan berkuatkuasa sekurang-kurangnya **tiga (3) bulan** daripada tarikh tutup Sebut Harga ini dalam kod bidang yang berkaitan dan kriteria berkaitan seperti berikut:

KETERANGAN TAWARAN	:	PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PAKEJ 3C DI MALAY COLLEGE KUALA KANGSAR, PERAK BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SERTA PEMBAIKAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN DAN PAIP PEMBETUNGAN SEDIA ADA
NO. SEBUT HARGA	:	PETRA/JPP/PAKEJ3C-MCKK/KPM/2026-Q5
JENIS TAWARAN	:	PENYEBUT HARGA YANG BERDAFTAR DI NEGERI PERAK SAHAJA

PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mempunyai pendaftaran seperti berikut:

Gred : G3
Kategori : CE (Kejuruteraan Awam)
Pengkhususan : CE19 (Sistem Pembetulan)
CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)

Tarikh Mula Tawaran : 6 Ogos 2026 (Khamis)

Tarikh Tutup Tawaran : 19 Ogos 2026 (Rabu)

Tempoh Sah Laku : 90 Hari

Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi dengan membawa Sijil Asal berserta dengan salinan pendua (tidak dikembalikan) semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Hanya **penama di dalam PPK, SPKK atau Kementerian Kewangan** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.

Perihal	Tarikh/Masa	Lokasi	Pegawai Penyelaras	Kehadiran Maksima
Taklimat dan lawatan tapak PROJEK MEMBAIK PULIH ASET PEMBETUNGAN MILIK KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA PAKEJ 3C DI MALAY COLLEGE KUALA KANGSAR, PERAK BAGI KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SERTA PEMBAIKAN LOJI RAWATAN KUMBAHAN DAN PAIP PEMBETUNGAN SEDIA ADA	13 OGOS 2026 (KHAMIS) (10.00 PAGI)	BILIK MESYUARAT MALAY COLLEGE KUALA KANGSAR 	Pn. Rosmawati Binti Abd Razak Encik Md Arof bin Md Zain	2

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli selepas selesai taklimat dan lawatan tapak pada **13 Ogos 2026 (Khamis)** di **Bilik Mesyuarat Malay College Kuala Kangsar, Perak**. **Pembayaran dokumen Sebut Harga secara perbankan atas talian sebanyak RM50.00 hendaklah dibuat dalam bentuk Sistem I-Payment**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai dan cek tidak akan diterima.

Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga 1** di Pejabat Jabatan Perkhidmatan Pembetulan, Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Blok B, Aras 3, Suasana PjH, No.2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2, 62100 Putrajaya **tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, 19 Ogos 2026 (Rabu)**.

PERTANYAAN

Semua pertanyaan tentang urusan Sebut Harga hendaklah dibuat melalui telefon sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat seperti di bawah;

Alamat : Bahagian Perancangan Strategik
Jabatan Perkhidmatan Pembetulan
Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air
Blok B, Aras 2 Dan 3, Suasana PjH
No. 2, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya

Telefon : 03-8861 9000